

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1993/94

April 1994

PLG 401 - Perkembangan dan Penggunaan Kemahiran Berbahasa dan Matematik

Masa [3 jam]

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Tiap-tiap jawapan hendaklah dijawab dalam helaian kertas yang baru.

1. Huraikan dengan ringkas pencapaian penggunaan bahasa (pencapaian linguistik) kanak-kanak pada lima (5) tahun pertama dalam kehidupan.

[25 markah]

2. "Pada tahap-tahap persekolahan rendah kanak-kanak, pencapaian kemahiran berbahasa dilihat dari pencapaian lisan, bacaan dan tulisan".

Dengan memberi contoh-contoh, jelaskan pandangan ini.

[25 markah]

3. Bagi melaksanakan program bahasa di peringkat sekolah rendah dengan berkesan, guru perlu memahami perkembangan bahasa kanak-kanak.

- (i) Jelaskan pengaruh faktor-faktor intrinsik dan ekstrinsik dalam perkembangan bahasa kanak-kanak.

(10 markah)

- (ii) Bagaimanakah kanak-kanak mempelajari kemahiran-kemahiran berbahasa di peringkat ini?

(15 markah)

[25 markah]

...2/-

- 2 -

4. (i) Huraikan secara ringkas, bagaimana seorang kanak-kanak boleh memperolehi 'kONSEP NOMBOR' secara pemelajaran formal dan tak formal.

(15 markah)

- (ii) Jelaskan secara ringkas, mengapa pemikiran logik di kalangan kanak-kanak hanya berkembang selepas seorang kanak-kanak berumur 7 tahun ke atas.

(10 markah)

[25 markah]

5. Bincangkan apakah yang dimaksudkan dengan "kebolehan mengkonservasi ruang" dan apakah implikasinya terhadap penguasaan kemahiran matematik di kalangan kanak-kanak.

[25 markah]

6. "Bahasa adalah Fitrah manusia dan tidak diperolehi. Pendedahan kepadaanya secara alam semulajadi adalah yang diperlukan" (Lennenberg and Lennenberg 1975, McNeill 1966).

Jelaskan pandangan di atas dan apakah ia sesuai bagi pengajaran dan pemelajaran bahasa di sekolah rendah.

[25 markah]

- oooOooo -